

# PM: Atasi segera birokrasi halang pembangunan

KUALA TERENGGANU 1 Ogos - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengarahkan agensi kerajaan berkaitan memastikan segala proses birokrasi yang menghalang usaha mempercepatkan projek pembangunan atau menarik pelaburan ditangani segera.

Beliau memberi contoh proses kelulusan sesuatu permohonan membabitkan tanah untuk dibangunkan dan mendapatkan Sijil Menduduki (CF), yang memakan masa terlalu lama sehingga menimbulkan kesulitan kepada pemohon.

Menurut beliau, kelewatan memproses permohonan tersebut akan mempengaruhi usaha kerajaan negeri menarik lebih banyak pelaburan.

"Kita mungkin merasakan tempoh masa permohonan itu diproses dan diluluskan

cepat, sedangkan sebenarnya proses itu dirasakan terlalu lama bagi pemohon.

"Sekiranya alasan kelambatan itu kerana banyak agensi kerajaan dilibatkan dalam proses meluluskan permohonan, kita mungkin perlu mengurangkan jumlah agensi terbabit agar tempoh masa itu dapat disingkatkan," tegasnya.

Abdullah yang dalam rangka lawatan dua hari ke negeri ini mulai semalam berkata demikian pada sidang akhbar selepas diiringi Menteri Besar, Datuk Seri Idris Jusoh melawat tapak projek pembinaan Taman Tamadun Islam (TTI) di Pulau Wan Man dekat sini, hari ini.

Sebelum itu, beliau menghadiri majlis taklimat mengenai proses pengurusan permohonan tanah yang disampaikan oleh Pentadbir Tanah Kuala Terengganu, Hu-

sain Embong di Pejabat Tanah Kuala Terengganu.

Pada sidang akhbar itu, Perdana Menteri turut membangkitkan perlunya Jabatan Kerja Raya (JKR) lebih kerap 'turun padang' memantau sendiri perjalanan projek-projek bagi membolehkan sesuatu masalah dikesan dengan cepat.

"Para pegawai tidak boleh lagi terlalu bergantung dan asyik membelek-belek laporan sesuatu projek yang mereka terima di pejabat sedangkan ketika itu ada banyak masalah berlaku di lokasi pembinaan.

"Cara kerja seumpama itu sudah berlalu dan kita perlu lebih banyak turun padang untuk melihat apa sebenarnya yang berlaku dan mengatasinya dengan cepat," tegasnya.

Perdana Menteri percaya kelewatan me-

luluskan CF dapat diatasi sekiranya jurutera dan arkitek sesuatu projek itu diberi kepercayaan untuk mengisi borang akujanji bahawa projek itu selamat.

Borang akujanji itu, kata beliau, boleh dijadikan sandaran untuk kerajaan mengambil tindakan sewajarnya jika perakuan mereka itu tidak benar.

Mengenai pergantungan keterlulusan kontraktor dan pihak swasta kepada pekerja asing, Abdullah kecewa kerana perkara itu boleh diatasi atau dikurangkan jika perancangan rapi dilakukan sebelum sesuatu projek dilaksanakan.

Beliau memberi contoh ada pemaju dalam laporan projek mereka memerlukan 300 pekerja tetapi apabila projek itu diluluskan untuk dilaksanakan, akhirnya berdepan masalah mendapatkan pekerja.